




LAPORAN KAJIAN PENANDAARASAN SISTEM PENARAFAN BINTANG PENTADBIRAN TANAH

PEJABAT DAERAH DAN TANAH CAMERON HIGHLANDS,
PAHANG DARUL MAKMUR



BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN,
INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)

KANDUNGAN

PERAKUAN.....	4
PENGHARGAAN.....	5
ABSTRAK.....	6
1.0 BAHAGIAN 1: PENGENALAN.....	7
1.1. PENDAHULUAN.....	7
1.2. LATAR BELAKANG KAJIAN.....	8
1.3. PERMASALAHAN KAJIAN.....	9
1.4. OBJEKTIF KAJIAN.....	9
1.5. SKOP KAJIAN.....	10
1.6. KEPENTINGAN KAJIAN.....	10
1.7. METODOLOGI KAJIAN.....	11
1.7.1. Rekabentuk Kajian.....	11
1.7.2. Kaedah Pengumpulan Data.....	11
1.7.2.1. Data Primer.....	12
Kaedah Pemerhatian.....	12
Kaedah Temubual.....	12
1.7.2.2. Data Sekunder.....	13
1.8. SUSUN ATUR BAHAGIAN.....	13
1.8.1. Bahagian 1 – Pengenalan.....	13
1.8.2. Bahagian 2 - Sorotan Literatur.....	13
1.8.3. Bahagian 3 - Kajian Kes.....	14
1.8.4. Bahagian 4 - Analisis Kajian.....	14
1.8.5. Bahagian 5 – Rumusan dan Cadangan Penambahbaikan...	14

2.0 BAHAGIAN 2: SOROTAN LITERATUR.....	15
2.1. PENGENALAN.....	15
2.2. SUMBER LITERATUR.....	16
2.3. RUMUSAN.....	17
3.0 BAHAGIAN 3 : KAJIAN KES	18
3.1. PENGENALAN.....	18
3.2. LATAR BELAKANG PEJABAT DAERAH & TANAH BARAT DAYA ...	18
3.3. MOTO, VISI & MISI	21
3.4. PIAGAM PELANGGAN	22
3.5. RUMUSAN	24
4.0 BAHAGIAN 4: ANALISIS KAJIAN.....	25
4.1. PENGENALAN.....	25
4.2. DEMOGRAFI RESPONDEN.....	25
4.3. HASIL KAJIAN.....	26
4.4. PERBINCANGAN DAPATAN.....	26
4.5. ISU DAN CABARAN PELAKSANAAN E-LPS.....	31
4.6. RUMUSAN	33
5.0 BAHAGIAN 5: RUMUSAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	34
5.1. RUMUSAN KAJIAN	34
5.2. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN.....	35
5.3 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN	37
KESIMPULAN	38

SENARAI CARTA.....	40
SENARAI SINGKATAN.....	41
FOTO KAJIAN.....	42
SENARAI RUJUKAN	43

PERAKUAN

Kami mengakui bahawa karya ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah kami nyatakan sumbernya secara jelas dan teratur

13 November 2017

AZFAIZAN BIN AHMAD SARKAWI

NOR FADILA BINTI M SAPUAN

LIYANA 'IZZATI BINTI ARIS

NUR FARAH HANIS BINTI ISMAIL

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t...

Syukur yang tidak terhingga dengan limpah kurnia dan izinNya, kertas penyelidikan ini dapat disempurnakan dengan sepenuhnya di atas tajuk KAJIAN PENANDAARASAN SISTEM PENARAFAN BINTANG PENTADBIRAN TANAH DI PEJABAT TANAH CAMERON HIGHLANDS. Diharapkan semoga usaha kecil ini dapat menyumbang kepada perkongsian maklumat berkaitan Penarafan Bintang Pentadbiran Tanah dengan menjadikan Pejabat Tanah Cameron Highlands (PTCH) sebagai 'benchmarking' kepada warga pentadbiran tanah secara keseluruhannya. Di samping itu juga, diharapkan agar usaha ini sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada pembudayaan aktiviti-aktiviti berkaitan penyelidikan dalam Pelan Strategik INSTUN 2015 – 2017, Teras 2 iaitu Pembangunan Tenaga Pengajar Yang Kompeten.

Ucapan jutaan terima kasih kepada pihak JKPTG Persekutuan di atas inisiatif khas membangunkan Sistem Elektronik e-LPS untuk kegunaan PTCH. Tidak lupa juga kepada Pn. Haslina bt. Tan Sali selaku Ketua Bahagian Penyelidikan & Pembangunan, INSTUN yang sentiasa memberi semangat dan panduan dalam penyediaan projek penyelidikan ini. Turut diucapkan ribuan terima kasih juga kepada warga kerja PTCH di atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan kajian ini. Tidak ketinggalan juga kepada rakan-rakan warga kerja Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan INSTUN atas saranan dan dorongan dari anda semua. Semoga Allah s.w.t jua yang selayaknya membalas jasa dan budi kalian semua...

Wassalam...

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat amalan-amalan terbaik melalui penerapan nilai-nilai inovasi yang dilaksanakan di PTCH. Maklumat serta bahan kajian yang diperolehi dirungkai bagi mendapatkan gambaran yang jelas mengenai 'the best practices' yang terdapat di jabatan tersebut sekaligus mengenalpasti nilai-nilai tambah yang dapat dijadikan panduan oleh lain-lain jabatan atau agensi yang berkaitan.

Dewasa ini, isu pengurusan pentadbiran tanah kerap mendapat perhatian dari pelbagai pihak. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat membantu untuk memberi gambaran yang jelas tentang amalan-amalan kerja yang wajar diketengahkan dan digunapakai di lain-lain jabatan terutama di Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah yang terdapat di seluruh Malaysia. Seterusnya, input-input yang diperolehi pastinya akan dapat dijadikan bahan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran bagi kursus-kursus yang dilaksanakan di INSTUN terutamanya berkaitan dengan bidang pentadbiran dan pengurusan tanah negara.

BAHAGIAN 1: PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Kajian akan membincangkan mengenai beberapa perkara berkaitan latar belakang kajian, pernyataan masalah, matlamat, objektif, skop, kepentingan kajian dan metodologi yang digunakan semasa menjalankan kajian.

Bahagian Penyelidikan & Pembangunan INSTUN bercadang mengadakan kajian khusus mengenai amalan terbaik yang dilaksanakan di PTCH. Sasaran responden adalah di kalangan kakitangan yang bertugas di jabatan tersebut terutama yang terlibat secara langsung semasa proses audit SSR dijalankan merangkumi proses-proses awal penarafan sehinggalah kepada peringkat akhir pencapaian.

Kajian ini terdiri daripada 4 orang ahli pasukan yang kesemuanya merupakan pegawai dari Bahagian Penyelidikan & Pembangunan, INSTUN. Tajuk kajian yang diberi adalah **Kajian Penandaarasan Sistem Penarafan Bintang Pentadbiran Tanah Di Pejabat Tanah Cameron Highlands, Pahang.**

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini telah dicadangkan pada tahun 2017 sebagai tajuk kajian bagi Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, INSTUN. Kajian ini dimulakan pada bulan Jun 2017 dan dijangka siap pada bulan November 2017. Berdasarkan kajian penandaarasan SSR di Pejabat Tanah Barat Daya tahun 2016, maka bahagian ini bercadang untuk meneruskan kajian ini bagi tahun 2017 dan dilaksanakan di PTCH.

Isu pengurusan pentadbiran jabatan adalah isu yang kerap mendapat perhatian semua pihak atau pelanggan terutama dalam bidang pentadbiran tanah yang menyampaikan perkhidmatan terus kepada rakyat. Oleh itu, kajian ini dijangka dapat membantu memberi gambaran yang jelas tentang amalan-amalan kerja yang wajar diketengahkan dan digunapakai di lain-lain jabatan terutama di Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah yang terdapat di seluruh Malaysia. Susulan kajian lepas yang dilaksanakan pada tahun 2016, kajian ini juga akan dijadikan sebagai salah satu kompilasi Kajian Penandaarasan Sistem *Star Rating* (SSR) bagi tahun berikutnya sekaligus dijadikan sebagai bahan rujukan pada masa akan datang.

Skop kajian ini akan tertumpu kepada elemen inovasi yang dilaksanakan di PTCH semasa proses Penarafan Bintang Pentadbiran Tanah tahun 2016.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Sistem Penarafan Bintang Sektor Awam bermotifkan kepada penilaian dan pengukuran prestasi agensi-agensi kerajaan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan sektor awam berada pada tahap yang cemerlang. Penilaian Sistem Penarafan Bintang Sektor Awam merangkumi tiga (3) komponen utama iaitu Komponen Pengurusan, Komponen Perkhidmatan Teras dan Komponen Pengurusan Pelanggan.

Dewasa ini, terdapat isu-isu berkaitan tahap penyampaian perkhidmatan awam termasuklah agensi-agensi berkaitan pentadbiran tanah. Aduan menyentuh mengenai kaedah layanan, pelaksanaan prosedur dan paling utama kecepatan penyampaian perkhidmatan. Bilangan aduan yang ditunjukkan menggambarkan pengaduan awam secara teknikalnya mampu berfungsi sebagai satu petunjuk penting dalam mengetahui tahap penyampaian perkhidmatan agensi yang peranannya terletak di bahu penjawat awam di Malaysia.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Secara umum, kajian bertujuan mendapatkan gambaran yang jelas mengenai '*the best practices*' yang terdapat PTCH sekaligus mengenalpasti nilai tambah yang dapat dijadikan panduan oleh jabatan-jabatan dan agensi-agensi lain yang berkaitan pentadbiran tanah. Selaras dengan itu, objektif kajian adalah:

- Mengenalpasti kepentingan Sistem Penarafan Bintang terhadap pembangunan proses kerja dalam bidang pentadbiran tanah;

- Mengenalpasti sebarang bentuk inovasi menerusi Sistem Penarafan Bintang dalam mencapai matlamat dan fungsi jabatan;

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini tertumpu kepada amalan terbaik yang dilaksanakan di PTCH melibatkan beberapa warga pentadbiran tanah yang terlibat dalam pelaksanaan Sistem Penarafan Bintang Pentadbiran Tanah (SPBPT)

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian memperincikan amalan inovasi baik dari segi permasalahan sedia ada sehingga kepada pencapaian inovasi yang telah dilaksanakan. Saranan-saranan yang bermanfaat turut diketengahkan untuk dicontohi oleh lain-lain jabatan yang berkaitan bagi tujuan peningkatan daya saing dan mutu perkhidmatan seterusnya ke arah mewujudkan sistem penyampaian yang lebih cemerlang dan efisien.

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah satu kaedah atau cara pelaksanaan yang digunakan oleh pengkaji semasa mendapatkan data yang diperlukan dalam sesebuah kajiannya (Ahmad Mahzan Ayob: 1992). Data atau maklumat yang diperolehi seterusnya diproses menjadi maklumat sahih yang boleh digunapakai untuk menerangkan dapatan sesebuah kajian. Terdapat dua rekabentuk kajian utama yang sering digunakan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian mereka iaitu rekabentuk kualitatif dan rekabentuk kuantitatif.

1.7.1 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian yang digunakan dalam Kajian Penandaarasan Sistem Penarafan Bintang Pentadbiran Tanah di PTCH ini adalah rekabentuk kualitatif bagi menguji kesahihan hipotesis dalam hubungan dengan setiap pembolehubah. Kajian ini memfokuskan kepada inovasi yang dilaksanakan.

1.7.2 Kaedah Pengumpulan Data

Kajian menggunakan dua bentuk kategori data iaitu data primer dan data sekunder. Kedua-dua jenis data ini bertujuan membantu untuk mendapatkan keputusan terhadap hipotesis yang mahu diuji dan mendapatkan pengesahan samada ia mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembolehubah sedia ada. Melalui kedua-dua bentuk data ini diharapkan kajian ini dapat memberikan sebuah dapatan atau keputusan yang tepat.

1.7.2.1 Data Primer

Data primer adalah data yang diperolehi secara langsung dari lokasi kajian. Ia diperolehi melalui dua kaedah utama iaitu melalui pemerhatian dan temubual secara berstruktur dan tidak berstruktur yang dilakukan semasa berada di lokasi kajian. Data primer yang diperolehi semasa proses ini menjadi maklumat utama bagi kajian untuk mendapatkan data sekunder.

1.7.2.1.1 Kaedah Pemerhatian

Kaedah pertama dalam memperolehi data primer yang digunakan dalam kajian ini adalah secara pemerhatian terus. Kaedah ini dilakukan semasa kumpulan kajian melakukan lawatan ke lokasi kajian. Hasil daripada pemerhatian yang telah dijalankan, kajian dapat melihat secara langsung hasil inovasi yang telah dipraktikkan di PTCH.

1.7.2.1.2 Kaedah Temubual

Selain kaedah pemerhatian, kajian juga menggunakan kaedah temubual dengan pihak responden untuk mendapatkan data primer. Melalui kaedah ini, data diperolehi melalui temubual secara berstruktur dan temubual secara tidak berstruktur. Temubual berstruktur adalah temubual yang dijalankan menggunakan soalan-soalan yang telah dirancang untuk diajukan kepada responden manakala temubual tidak berstruktur pula adalah temubual secara spontan

tanpa menggunakan *planted questions*. Semua jawapan yang diberikan oleh responden dicatatkan bagi tujuan pengumpulan data untuk diproses. Tumpuan kajian ini ialah para pegawai dan kakitangan PTCH.

1.7.2.2 Data Sekunder

Data sekunder pula merupakan data-data dan maklumat yang diperolehi daripada sumber pembacaan di perpustakaan, internet, buku, jurnal, artikel dan sebagainya. Rujukan dan semakan yang dibuat melalui data sekunder adalah berasaskan data primer dan bertujuan mengukuhkan dapatan yang diperolehi daripada data primer tersebut. Data-data ini telah mencorak kajian lapangan ini dan membantu bagi mencapai kesimpulan terhadap isu yang dibincangkan.

1.8 SUSUNATUR BAHAGIAN

1.8.1 Bahagian 1 – Pengenalan

Bahagian ini mengupas tentang pengenalan dan latar belakang kepada kajian lapangan. Ia memberi fokus kepada tujuan dan objektif kajian yang dijalankan.

1.8.2 Bahagian 2 - Sorotan Literatur

Bahagian ini memberi penjelasan berhubung kajian-kajian kes yang pernah dijalankan oleh individu-individu lain dan kaitan dengannya.

1.8.3 Bahagian 3 - Kajian Kes

Bahagian ini menceritakan tentang latar belakang kajian kes yang dijalankan.

1.8.4 Bahagian 4 - Analisis Kajian

Bahagian ini memaparkan hasil dapatan kajian yang diperolehi, latar belakang demografi, kumpulan responden dan juga perbincangan tentang amalan-amalan terbaik yang dilaksanakan di PTCH.

1.8.5 Bahagian 5 - Rumusan Dan Cadangan Penambahbaikan

Bahagian ini akan merumuskan hasil kajian dan turut memberikan cadangan penambahbaikan untuk dipertimbangkan bagi tujuan penambahbaikan.

BAHAGIAN 2: SOROTAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Isu pencerobohan tanah milik kerajaan bukan satu isu yang asing lagi di negara kita. Terdapat pelbagai faktor yang mendorong manusia untuk melakukan aktiviti-aktiviti pencerobohan tanah yang kebanyakannya digunakan bagi tujuan aktiviti pertanian. Antara faktor-faktor yang dikenalpasti adalah berkaitan dengan punca ekonomi di mana tanah adalah merupakan satu keperluan hidup yang boleh diperolhi pelbagai manfaat daripadanya. Begitu juga dengan faktor sosial, proses pemberimilikan tanah yang panjang dan kelewatan pelaksanaan projek-projek tertentu mengundang kepada aktiviti-aktiviti pencerobohan tanah yang semakin tidak terkawal.

Faktor-faktor ini secara tidak langsung mendorong kepada aktiviti-aktiviti pencerobohan manusia ke atas tanah-tanah yang tidak diusahakan yang dilakukan dalam skala besar mahupun kecil. Senario ini merupakan satu cabaran yang perlu diatasi oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab demi memastikan sumber-sumber alam ini diuruskan dengan sebaiknya sekaligus menghindarkan dari berlakunya kesan-kesan negatif terhadap masyarakat dan alam semulajadi.

2.2 SUMBER LITERATUR

2.2.1 Kajian Terdahulu – PENCEROBOHAN TANAH KERAJAAN BAGI TUJUAN PERTANIAN (KAJIAN KES: DAERAH BATU PAHAT) KHASANAH BINTI SUFAAT @SUPAA ASHAARI.

Isu pencerobohan tanah kerajaan secara haram sering diperkatakan dalam hal berkaitan tanah. Kegiatan ini berlaku sama ada di kawasan luar bandar mahupun di bandar malah turut sama berlaku ke atas tanah-tanah kerajaan untuk tujuan pertanian. Kejadian ini berlaku bukan sahaja akibat daripada kemiskinan tetapi juga mengambil kesempatan di atas kelalaian pihak-pihak bertanggungjawab. Dalam isu ini, tanah yang tidak dibangunkan dan tanah yang tidak dijaga dengan baik menjadi sasaran utama bagi pihak penceroboh dengan meneroka dan mengusahakan tanah-tanah tersebut tanpa memikirkan kesannya di sisi undang-undang demi mencapai matlamat dan tujuan masing-masing. Walaupun tindakan penguatkuasaan ke atas kegiatan pencerobohan tanah kerajaan bagi tujuan pertanian ini telah dilaksanakan, namun keberkesanannya masih belum diperolehi.

2.2.2 Kajian Terdahulu – IMPLIKASI PENCEROBOHAN TANAH KERAJAAN (KAJIAN KES: BANDARAYA JOHOR BHARU) DR. HAJAH ASIAH OTHMAN, EN. RAZANI ABDUL RAHIM, CIK KHADIJAH HUSIN.

Isu pencerobohan tanah memang tidak asing lagi diperkatakan di negara-negara sedang membangun dan negara kita tidak terkecuali dari mengalami masalah ini. Pencerobohan tanah sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar perlu diatasi kerana ia menggambarkan ketidakcekapan sistem pentadbiran tanah dan kelemahan unit penguatkuasaan. Di samping itu, masalah pencerobohan ini telah menyebabkan kerugian besar kepada kerajaan negeri kerana sejumlah

besar hasil tidak dapat diperolehi disebabkan oleh ketiadaan pemilik tanah yang sah. Kegiatan pencerobohan tanpa kawalan ini bukan sahaja menggugat persekitaran dalam bentuk pandangan malah keadaannya yang tidak teratur dan terkawal telah menyebabkan berlakunya isu atau permasalahan lain seperti isu pencemaran, masalah sosial dan sebagainya.

2.3 RUMUSAN

Kegiatan pencerobohan tanah-tanah kerajaan ini telah wujud sejak dahulu lagi dan menjadi semakin serius malah sukar dibendung walaupun pelbagai tindakan penguatkuasaan undang-undang telah dilaksanakan oleh pihak bertanggungjawab. Aktiviti ini telah banyak memberi kesan negatif ke atas corak gunatanah yang sedia ada bagi tanah tersebut dan terhadap pihak-pihak lain yang mempunyai kepentingan ke atas tanah tersebut. Kegiatan pencerobohan tanah kerajaan ini bukan sahaja telah memusnahkan flora dan fauna serta bentuk mukabumi semulajadi tanah tersebut malah juga telah menyebabkan pihak kerajaan mengalami kerugian dari segi kutipan hasil tanah.

Isu pencerobohan tanah kerajaan yang semakin berleluasa menunjukkan bahawa usaha dalam menangani isu ini masih perlu dipertingkatkan supaya tindakan-tindakan tegas dan sewajarnya dapat dipergiatkan kerana sekiranya kegiatan ini tidak dibanteras di peringkat awal maka ianya akan menyukarkan lagi usaha-usaha membendungnya pada masa akan datang.

BAHAGIAN 3 : KAJIAN KES

3.1 PENGENALAN

Dalam bahagian ini, kajian akan memperkenalkan serba sedikit berhubung lokasi kajian. Maklumat **Kajian Penandaarasan Sistem Penarafan Bintang Pentadbiran Tanah Di Pejabat Tanah Cameron Highlands, Pahang** ini diperolehi dari hasil pembentangan oleh pegawai PTCH semasa sesi kunjungan para pegawai INSTUN ke pejabat berkenaan pada 17 Jun 2016.


3.2 LATAR BELAKANG PTCH

3.2.1 Maklumat Tanah dan Daerah Cameron Highlands

Pentadbiran Cameron Highlands secara rasminya telah ditubuhkan pada 1 Julai 1931 dengan penempatan seorang Penolong Pegawai Daerah berbangsa Inggeris sebagai ketua pentadbiran daerah di bawah pengawasan Pegawai Daerah Lipis. Dalam tahun 1994 / 1995, Pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah seluruh Negeri Pahang Darul Makmur telah disusun semula di bawah Program Penyusunan Semula Struktur Organisasi Pejabat Daerah dan Tanah.


Tujuan penyusunan semula adalah untuk mengoptimumkan penggunaan sumber dalam pentadbiran daerah untuk tujuan pembangunan dan menjamin kelicinan jentera pentadbiran. Terdapat empat bahagian utama yang diletakkan di bawah Pentadbiran Daerah dan Tanah Cameron Highlands iaitu Bahagian Khidmat Pengurusan (Unit Pentadbiran dan Kewangan; Unit Majlis dan Keraian; Unit Teknologi Maklumat & Unit Keselamatan), Bahagian Pengurusan Tanah (Unit Pembangunan dan Pelupusan; Unit Pendaftaran dan Hasil & Unit Penguatkuasaan dan Pemantauan), Bahagian Pembangunan Daerah (Unit Pembangunan Fizikal & Unit Pembangunan Masyarakat)

serta Bahagian Perundangan. Secara umum, Cameron Highlands merupakan daerah terkecil yang terletak di sebelah barat laut negeri Pahang. Keluasannya adalah 71,225 hektar (712.25 km persegi) dan meliputi 2% daripada keluasan negeri Pahang. Parlimen Cameron Highlands (P.078) mempunyai sebanyak 2 buah DUN iaitu Tanah rata (N.01) dan Jelai (N.02). Dari segi kepadatan penduduk, kaum Cina mendominasi dengan komposisi sebanyak 35% diikuti dengan kaum Melayu 19%, kaum India 18%, Orang Asli dan bukan warganegara dengan masing-masing 14%.



Gambarajah 1: Pecahan komposisi penduduk di Cameron Highlands.

Aktiviti perladangan dan pertanian merupakan salah satu faktor utama atau penyumbang kepada bilangan kaum Cina yang lebih ramai mengatasi kaum-kaum yang lain. Bancian penduduk sehingga tahun 2010 mendapati bilangan penduduk di Cameron Highlands adalah seramai 38,800 orang terdiri dari pelbagai kaum dan peringkat umur. Dari segi maklumat tanah, gunatanah semasa dengan keluasan keseluruhan 71,225 hektar dibahagikan kepada beberapa kategori seperti maklumat di bawah:



- | | |
|----------------------------|---------------------------|
| ■ Tanah Rizab Persekutuan | ■ Tanah Milik Persekutuan |
| ■ Tanah Kawasan Orang Asli | ■ Tanah Rizab TNB Hidro |
| ■ Tanah LPS Bangunan | ■ Tanah LPS Pertanian |
| ■ Tanah Rizab Negeri | ■ Tanah Hakmilik Bangunan |
| ■ Tanah Hakmilik Pertanian | ■ Tanah Kosong Kerajaan |
| ■ Hutan Simpanan Kekal | ■ Tanah Milik TNB |
| ■ Keluasan Rizab Melayu | |

Gambarajah 2: Maklumat gunatanah semasa di Daerah Cameron Highlands.

Daripada gambarajah di atas rekod menunjukkan bahawa status hutan simpan kekal masih mendominasi lebih separuh keluasan keseluruhan tanah di daerah berkenaan dengan kadar 54% (38,419 hektar). Manakala tanah yang telah dikeluarkan LPS masing-masing 3% (3,327 hektar) bagi tanah pertanian dan 1% (497 hektar) bagi tanah bangunan.

3.3 Moto, Visi dan Misi

Moto

Transformasi dan Integriti Menjana Produktiviti

Visi

Menjadikan Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands komited untuk memberi perkhidmatan pengurusan Daerah dan Tanah yang berkualiti dan efisien melalui pelaksanaan sistem pengurusan berkualiti serta penambahbaikan yang berterusan untuk mencapai kepuasan pelanggan berasaskan kepada keperluan.

Misi

Mengurus, mentadbir dan mengawal pengurusan pentadbiran Daerah dan Tanah dengan cekap, adil dan berkesan secara berterusan seiring dengan dasar-dasar kerajaan.

3.4 Piagam Pelanggan

Bagi memastikan dasar kualiti dapat dicapai, objektif-objektif kualiti ditetapkan bagi setiap peringkat yang terlibat dalam Sistem Pengurusan Kualiti tertakluk kepada bilangan permohonan yang ditentukan oleh Pejabat Daerah dan Tanah iaitu:-

Bil	Unit	Objektif Kualiti	Sasaran/Tempoh
1.	Pelupusan Tanah	Pemberimilikan Tanah	6 bulan
		Lesen Menduduki Sementara	3 bulan
2.	Pendaftaran Tanah	Pendaftaran Hakmilik	3 hari bekerja
		Pendaftaran Urusniaga	5 hari bekerja
		Perintah Jual	6 bulan
		Bukan Urusniaga	
		Kaveat Perintah Susulan Pusaka Nota	1 bulan 1 bulan 1 bulan 1 bulan
		Kebenaran Urusniaga (Kelulusan Pentadbiran Tanah)	2 hari bekerja
3.	Pembangunan Tanah	Tukar Syarat Tanah	12 bulan
		Pecah Sempadan / Pecah Bahagian / Cantuman Tanah	2 bulan
		Penyerahan dan Pemberian Semula Tanah	12 bulan
4.	Penguatkuasaan dan Pemantauan	Tindakan Penguatkuasaan / Pemantauan	1 hari bekerja
		Permit Pengalihan	2 jam
		Permit Kerja Tanah	2 jam
5.	Hasil	Penerimaan Hasil Tanah	10 minit

6.	Khidmat Pengurusan	Aduan Pelanggan	7 hari bekerja
		Prosedur Lesen Yang Memabukkan	1 bulan
7.	Pembangunan Fizikal	Prosedur Permohonan Projek	1 tahun
		Prosedur Penerimaan Projek	1 tahun
		Prosedur Penyediaan Spesifikasi Projek dan Penyediaan Reka Bentuk	6 bulan
		Prosedur Lantikan Kontraktor	1 bulan
		Prosedur Pemberian Tawaran	1 bulan
		Prosedur Penyediaan Tapak dan Kerja-Kerja Binaan	1 bulan
		Prosedur Pengawasan dan Perawatan Projek	Sepanjang tempoh yang ditetapkan
		Prosedur Pembayaran Projek	1 bulan
		Prosedur Tempoh Tanggung Kecacatan	Di bawah RM100 ribu – 6 bulan @ lebih RM100 ribu – tempoh kecacatan 1 tahun
8.	Pembangunan Masyarakat	Prosedur Permohonan Peruntukan Program	4 bulan
		Prosedur Pelaksanaan Program e-Kasih / Focus Group	4 bulan
		Prosedur Pendaftaran Peserta e-Kasih / Focus Group	4 bulan

3.5 RUMUSAN

Berdasarkan latar belakang lokasi kajian ini, praktis amalan terbaik jabatan boleh dijadikan penanda aras bagi Pejabat Tanah dan Daerah lain di Malaysia. Amalan yang dijalankan adalah berpontesi untuk dibangunkan seiring perkembangan teknologi dan penyampaian efisien kepada konsumer dan komuniti setempat. Sehubungan itu, penemuan kajian diharapkan dapat memenuhi keperluan semasa perkhidmatan pengurusan pentadbiran tanah yang lebih relevan pada masa kini.

BAHAGIAN 4: ANALISIS KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bahagian ini bertujuan menerangkan hasil daripada analisis kajian yang telah dijalankan ke atas 17 orang pegawai dan kakitangan (responden) melalui kaedah temubual. Kaedah temubual ini telah dijalankan sepanjang tempoh kajian berkaitan penemjan amalan terbaik yang telah dilaksanakan di PTCH.

4.2 DEMOGRAFI RESPONDEN

Kaedah temubual yang dijalankan dalam kajian lapangan ini melibatkan sejumlah 17 orang responden dari PTCH. Kaum wanita mendominasi bilangan responden kerana jumlah mereka yang lebih ramai bekerja di PTCH. Sebanyak 100% responden adalah berbangsa Melayu dan berumur di dalam lingkungan bawah 50 tahun mengikut pecahan umur seperti berikut:

- | | | | | |
|------|----------------|---|----------|-------|
| i. | Bawah 30 tahun | : | 3 orang | (18%) |
| ii. | 31 – 40 tahun | : | 10 orang | (59%) |
| iii. | 41 – 50 tahun | : | 4 orang | (23%) |

Didapati peratusan majoriti yang menjalani temubual dalam kajian lapangan ini adalah dari kelompok responden yang berumur dari 31 hingga 40 tahun iaitu sebanyak 59%.

4.3 HASIL KAJIAN

Inovasi ditafsirkan sebagai cetusan idea-idea kreatif yang mampu meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan. Inovasi berupaya menambah nilai output semasa serta membawa transformasi dan perubahan kepada amalan sedia ada. Inovasi boleh berbentuk produk, perkhidmatan, proses atau teknologi. Dalam skop penarafan bintang di sektor pentadbiran tanah, inovasi merupakan salah satu elemen yang dinilai dan diletakkan di bawah komponen A. Pengurusan, A1 Pengurusan Organisasi, A1.2 Pembudayaan Organisasi Cemerlang. Di PTCH inovasi yang telah dilaksanakan adalah berkaitan **Sistem e-LPS (Sistem Lesen Pendudukan Sementara)**

4.4 PERBINCANGAN DAPATAN

e-LPS (Sistem Lesen Pendudukan Sementara)

PTCH melalui saranan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian telah membangunkan satu sistem aplikasi yang diberi nama e-LPS atau nama sebenarnya **Sistem Lesen Pendudukan Sementara**.

Sebelum sistem ini dilaksanakan, proses permohonan LPS, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menangani isu ketirisan hasil negeri dilakukan secara manual yang secara tidak langsung mempunyai kelemahan atau kekurangan dari segi aspek pemantauan dan penguatkuasaan.

Oleh itu, Teknologi Sistem Maklumat GIS dan Sistem Kedudukan Global (GPS) yang diadaptasi dalam Sistem e-LPS membolehkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan dapat

dilakukan terhadap tanah-tanah LPS yang diusaha secara berlebihan dan menceroob tanah rizab. Sistem ini dilengkapi aplikasi mobil yang membolehkan pegawai penguatkuasa melihat dengan lebih jelas kawasan-kawasan yang diceroob atau lesen yang telah tamat tempoh.

Dari segi tempoh pelaksanaan projek, ia dimulakan pada 4 September 2016 dan melalui fasa pembangunan sehingga Disember 2014. Bagi fasa operasi, melibatkan dua peringkat iaitu *Factory Acceptance Test (FAT)* dan *Go Live* bermula Disember 2014 hingga Januari 2015. Fasa berikutnya melibatkan FAT 1 dan FAT 2 seterusnya *Go Live* Cadangan pada Mac 2015.



Gambarajah 3: Ringkasan Latar Belakang Projek

Skop pembangunan projek e-LPS terbahagi kepada enam (6) aspek iaitu:

1. Pembangunan Sistem

Mengkaji Keperluan (CRS), Merekabentuk, Membangun dan Menguji Sistem, Memberi Latihan dan Pewartaan Sistem

2. Pengurusan dan Penyelenggaraan Projek

Mengurus, Memantau dan Menyenggara Projek dan Sistem Pengurusan Perubahan

3. Geographical Information System (GIS)

Melaksanakan Integrasi Data GIS MacGDI ke dalam e-LPS Menyediakan Paparan Layer GIS bagi Aktiviti Charting; dan Siasatan Tanah (Penyediaan dan Kemaskini Pelan)

4. Transformasi

Mengurus, Memantau dan Menyenggara Kerja-Kerja Transformasi Aliran Kerja sedia ada kepada yang lebih efisien

5. Penyediaan Infrastruktur

Membekalkan Peralatan ICT dan Menyedia serta Mengurus Server

6. Transfer of Technology

Melaksanakan *Transfer of Technology* (TOT) sebagai persediaan untuk menyerahkan sistem e-LPS kepada Kerajaan.

Oleh itu, e-LPS diperkenalkan dan merupakan inovasi ICT bagi memudahkan proses memantau dan merekod semua LPS di

sesuatu lokasi. Pengguna sistem merupakan Penolong Pegawai Tanah yang menjalankan aktiviti-aktiviti pemantauan dan pengutakuasaan dan orang awam yang berkaitan dengan permohonan dan pengurusan LPS.

Ciri-ciri sistem e-LPS terbahagi kepada empat:

1) Permohonan dan Pembaharuan LPS atau Permit.

Melalui sistem e-LPS, permohonan baru dan pembaharuan LPS dapat dilakukan dengan sistematik dan efisien di atas talian (online). Kewujudan berasaskan laman web dibuat bagi membolehkan akses dapat dilakukan oleh orang awam untuk permohonan LPS, pembaharuan LPS dan permit. Pautan tersebut boleh dilayari di laman web rasmi PTCH.

2) Notifikasi Tarikh Luput LPS atau Permit.

Notifikasi tarikh luput permit kepada pemilik LPS disalurkan melalui emel daripada sistem eLPS secara automatik. Secara tidak langsung, pemilik akan menyedari tarikh luput yang telah tamat tempoh bagi tujuan pembaharuan LPS dan permit. Walaubagaimanapun, kemudahan ini hanya terpakai kepada pemilik yang mempunyai emel berdaftar dengan PTCH. Bagi yang tidak mempunyai emel, semakan secara manual masih terpakai bagi membolehkan urusan tersebut dilaksanakan.

3) Pemantauan Pemilikan LPS atau Permit.

Aplikasi yang dibangunkan khas menggunakan GIS dan GPS pada *mobile device* yang dibekalkan. Teknologi GIS digunakan untuk memplot kawasan LPS sedia ada dan mengenalpasti kawasan yang diterokai sama ada melebihi luas asal atau tidak. Secara tidak langsung unsur-unsur

pencerobohan dapat dikesan sekiranya ada. Dari segi pelaksanaan, berikut adalah proses-proses berkaitan:

- Penolong Pegawai Tanah perlu akses masuk ke dalam sistem e-LPS untuk mengesahkan dan mengemaskini maklumat tanah dan permohonan untuk di buat siasatan di lapangan.
- Kerja-kerja *charting* yang di buat di lapangan adalah berdasarkan luas dan kedudukan kawasan yang dipohon, jenis tanah, tujuan yang dipohon dan sebagainya.
- Segala aktiviti siasatan di lapangan akan disimpan dan direkodkan ke dalam aplikasi *mobile* yang telah dibangunkan.
- Penolong Pegawai Tanah akan di muatnaik maklumat tanah ke dalam pangkalan data e-LPS bagi menyediakan laporan tanah di dalam aplikasi web.

4) Semakan Status Permohonan LPS & Permit Secara Online

Capaian semakan permohonan di atas talian boleh diperolehi daripada portal di PTCH. Secara tidak langsung, pemohon boleh membuat semakan pada bila-bila masa dan kaedah ini lebih efektif, menjimatkan masa dan kos kerana tidak perlu hadir ke pejabat tanah.

Ciri-ciri yang terdapat dalam sistem tersebut ialah permohonan dan pembaharuan LPS, peringatan tarikh luput lesen dan permit, pemantauan pemilikan LPS dan permit, semakan status permohonan dalam talian serta penggunaan teknologi GIS. Sistem e-LPS merupakan satu inisiatif bagi mengautomatiskan penguatkuasaan penyalahgunaan LPS, seterusnya memastikan Cameron Highlands kekal hijau dan segar.

Dari segi ketersediaan, Sistem e-LPS telah melalui beberapa fasa pembangunan bagi menguji ketersediaan sistem sebelum digunakan secara keseluruhannya. Kesemua urusan yang melibatkan permohonan LPS dan permit telah diuji dan didapati ianya telah mematuhi keperluan pembangunan sistem dari segi aliran kerja mengikut perundangan dan keperluan pengguna sepertimana yang telah diputuskan dalam bengkel *Customize Requirement Specification (CRS)*.

Dari segi prestasi rangkaian sistem sedia ada di PTCH mampu menyokong operasi sistem e-LPS selepas dua (2) sesi *Go Live* dilaksanakan di PTCH. Pengujian ke atas rangkaian (*Lan Network*) telah dilakukan sepanjang tempoh FAT 1 & 2 (hampir 4 minggu) dan prestasi rangkaian berada dalam keadaan yang baik dan memuaskan. Namun begitu, pihak Puncak Tegap Sdn. Bhd. (PTSB) masih memantau prestasi rangkaian yang ada di PTCH untuk memastikan sistem e-LPS dapat digunakan dengan lancar oleh pihak pengguna PTCH.

4.5 ISU DAN CABARAN PERLAKSANAAN E-LPS

Sebagai projek rintis dalam menangani isu-isu berkaitan LPS, terdapat beberapa penemuan yang perlu diberi perhatian dalam memastikan sistem ini dapat digunakan secara holistik sama ada di PTCH mahupun di lain PDT pada masa akan datang.

Berdasarkan rekod, sejumlah 2,310 data lot LPS telah diterima daripada PTCH dan daripada jumlah tersebut, sebanyak ,1696 data telah disimpan di dalam pangkalan data e-LPS (*mobile device*). Walaubagaimanapun sehingga kini hanya 393 data sahaja yang boleh digunakan untuk tujuan permohonan semula LPS manakala baki selebihnya perlu disemak dan dikemaskini semula berikutan terdapat beberapa isu berkaitan status penggunaan dan pemilikan lot-lot tanah tersebut.

Disamping itu, kesahihan data-data yang telah direkod sebelumnya perlu disemak semula oleh *data owner* dengan melakukan pembetulan kemasukan data seperti salinan no. fail rujukan, no. kad pengenalan tidak sah, terdapat lebih daripada satu no. kad pengenalan bagi seorang pemohon dan lain-lain. Ketidaksihian data boleh menyebabkan berlakunya pertindihan maklumat dan menyebabkan kekeliruan seterusnya memberi kesan negatif terhadap tujuan asal pewujudan sistem e-LPS itu sendiri.

Di samping itu, pihak pentadbiran kerajaan Negeri Pahang yang diterajui oleh Pejabat Tanah Galian Negeri Pahang telah mewujudkan satu sistem yang dinamakan *Pahang Land Geoinformation System (PLGS)* yang mempunyai ciri-ciri persamaan fungsi dengan sistem e-LPS. Sistem ini telah dikuatkuasa untuk digunapakai di seluruh daerah Negeri Pahang.

Ketepatan data di dalam *mobile device* yang kurang memuaskan menyebabkan kesukaran kepada pengguna untuk menggunakan sistem tersebut. Satu bentuk penambahbaikan perlu dilakukan terhadap pengisian data yang diupload ke dalam *device* dengan menambah *base map* (peta asas satelit imej) dan *layer* hutan simpan untuk mendapatkan gambaran peta yang menyeluruh dan menggambarkan keadaan sebenar fizikal sesuatu kawasan tersebut. Dari segi pencarian lakaran peta, penggunaan nombor LPS adalah satu mekanisme yang lebih efektif dalam mendapatkan

hasil pencarian yang lebih mudah dan tepat. Satu bentuk latihan secara berkala kepada pengguna perlu dilakukan bagi memastikan sistem dapat diimplementasi secara menyeluruh dan berkesan.

Dari aspek keperluan aset, bilangan perkakasan ICT perlu ditambah seperti komputer, pemasangan dan konfigurasi sistem di dalam *production* server dan UPS bagi kegunaan kakitangan-kakitangan unit pelupusan dan penguatkuasaan. Perkakasan-perkakasan ini merupakan aset penting untuk menjamin kelangsungan pengoperasian sistem e-LPS. Selain itu, bilangan *Internet Protocol* (IP) yang terhad kepada lima (5) pengguna sahaja di PTCH membataskan pengoperasian sedia ada kerana sistem tidak dibenarkan diduplikasi sewenang-wenangnya. Perkara ini perlu ditambahbaik untuk menambahbaik pembangunan komponen GIS.

4.6 RUMUSAN

Berdasarkan amalan terbaik e-LPS yang dilaksanakan di PTCH, hasil menunjukkan bahawa inovasi yang dilaksanakan mampu memberi kesan yang positif terhadap proses-proses kerja harian jabatan. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan yang disalurkan terus kepada pelanggan iaitu masyarakat setempat yang sentiasa mengharapkan respon dan tindakan segera dari perkhidmatan agensi-agensi awam. Implikasi kewujudan e-LPS sedikit sebanyak berupaya mengelakkan sistem pertindihan LPS manual, kutipan hasil negeri yang tidak dapat dikesan khususnya kepada 1900 lot LPS pertanian di Cameron Highlands dan 600 lot LPS bagi lain-lain kategori tanah. Sistem LPS juga secara tidak langsung berupaya meningkatkan tahap produktiviti penyampaian jabatan dengan mengatasi masalah kelewatan, kehilangan dan berupaya mengetahui status terkini proses-proses yang berkaitan.

BAHAGIAN 5: RUMUSAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

5.1 RUMUSAN KAJIAN

Penemuan hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat amalan terbaik telah dilaksanakan di PTCH melalui inovasi amalan kerja sedia ada. Hasil tersebut wajar disebarluaskan kepada lain-lain pejabat daerah dan tanah dalam usaha mewujudkan sistem dan kualiti perkhidmatan awam yang lebih sistematik dan berkesan. Ini amat penting dalam menyahut seruan e-Kerajaan sebagaimana yang telah diperkenalkan oleh Unit Pemodenan Pentadbiran Awam (MAMPU).

Sistem Lesen Pendudukan Sementara (e-LPS) merupakan modul tambahan kepada sistem e-TANAH yang diperkenalkan oleh JKPTG. Sistem ini yang dibangunkan bermula tahun 2014 bertujuan untuk mewujudkan Sistem Pengurusan dan Pemantauan Lesen Pendudukan Sementara (LPS)/ permit yang lebih komprehensif dan efisien. PTCH merupakan perintis pelaksanaan e-LPS dan melantik Syarikat Puncak Tegap Sdn. Bhd. sebagai vendor bagi pembangunan sistem. Tempoh projek yang memakan masa selama enam (6) bulan telah diuji cuba secara Go Live di peringkat PTCH dan menemukan beberapa peluang penambahbaikan yang perlu dari kerjasama diantara PTCH dan pihak vendor.

Secara umum e-LPS berupaya memberi kesan terhadap peningkatan kecekapan pengurusan berkaitan Lesen Pendudukan Sementara/ Permit dan meningkatkan tahap penguatkuasaan di pentadbiran tanah. Sistem yang diperkenalkan terbahagi kepada dua kategori iaitu sistem yang boleh digunakan oleh orang ramai melalui pautan di Laman Web PTCH dan perisian yang dimuatnaik ke dalam *mobile device* untuk digunakan di

lapangan. Kesemua urusan yang melibatkan permohonan LPS dan permit telah diuji dan ianya telah mematuhi keperluan pembangunan sistem dari segi aliran kerja mengikut perundangan dan keperluan pengguna.

5.2 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Menerusi tinjauan dan pemerhatian yang telah dilakukan, terdapat beberapa perkara tambahan yang perlu diberikan penekanan untuk membolehkan tindakan-tindakan penguatkuasaan dan lain-lain urusan melalui sistem eLPS dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan pada masa akan datang. Berikut disertakan beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh diambil perhatian selanjutnya:

5.2.1 Latihan Yang Komprehensif Kepada Pengguna

Penggunaan sistem e-LPS di PTCH adalah sesuatu yang baru di kalangan kakitangan terutamanya Penolong-penolong Pegawai Tanah di Unit Penguatkuasaan. Kemahiran penggunaan sistem sama ada pada komputer atau *mobile device* yang dibekalkan merupakan kunci utama kejayaan pelaksanaan sistem ini. Oleh itu, berdasarkan temubual dan pemerhatian dari kalangan pengguna mendapati tahap kemahiran penggunaan masih di tahap yang rendah dan rata-rata pengguna masih tidak dapat memahami dan menggunakannya dengan baik dan jelas. Pihak vendor wajar untuk menempatkan beberapa kakitangan teknikal di PTCH untuk memberi sokongan teknikal dan latihan kepada pengguna dalam tempoh yang dirasakan sesuai dan memadai. Ini bagi menjamin mutu pendedahan latihan yang lebih berkesan seterusnya mendapatkan hasil akhir penggunaan sistem yang lebih tepat dan hasil yang boleh dipercayai.

5.2.2 Sistem Yang Lebih Mesra Pengguna

Kestabilan pembangunan sesebuah sistem adalah penting bagi memastikan kejayaan pewujudan sistem itu sendiri. Berdasarkan kepada penemuan kajian, data-data sedia ada yang dimuatnaik ke dalam sistem bukan data-data terkini seperti yang direkodkan secara manual. Ketidaktepatan data ini telah menyebabkan kesukaran kepada pengguna untuk menggunakan sistem tersebut. Sebagai contoh data pengukuran atau plan kawasan tanah-tanah TOL yang diluluskan tidak sama dengan data terdapat di dalam sistem. Hal ini secara tidak langsung akan menjejaskan ketepatan data dan menyukarkan proses-proses yang berkaitan seterusnya. Di samping itu, bagi memudahkan pengecaman kawasan fizikal sebenar, layer bagi kedudukan hutan simpan wajar dimasukkan ke dalam sistem untuk mendapatkan gambaran keseluruhan kawasan-kawasan yang terlibat. Bagi tujuan carian, turut disyorkan supaya dapat menggunakan nombor pendaftaran LPS berbanding kaedah pengesanan kedudukan berdasarkan *latitude* dan *longitude* yang dilihat agak menyukarkan. Dengan pengisian sistem yang lebih mesra pengguna dapat memberi hasil yang lebih efektif dan holistik kepada pengguna secara khususnya dan jabatan umumnya.

5.2.3 Penyediaan Alat Mobile Device Sistem e-LPS Serta Kakitangan

Alatan dan pengguna yang mencukupi merupakan satu elemen penting dalam memastikan tindakan pelaksanaan penguatkuasaan dapat dijalankan dengan sempurna dalam suatu jangkamasa yang telah ditetapkan. Oleh itu, penyediaan alat *mobile device* dan jumlah kepakaran menggunakannya perlu dipertingkatkan bagi mendapatkan hasil penguatkuasaan yang lebih berkesan. Kajian mendapati dengan penyediaan sebanyak 2 unit *mobile device* dan 3 kakitangan mahir adalah kurang mencukupi bagi menjalankan pemantauan kes-kes pencerobohan tanah kerajaan tambahan lagi di kawasan Daerah Cameron Highland yang

terkenal dengan aktiviti-aktiviti perusahaan perladangan. Walaubagaimanapun ia turut bergantung kepada faktor berkaitan peruntukan kewangan bagi tujuan perolehan alat yang perlu dilihat dari semasa ke semasa.

5.3 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Dalam menguruskan isu-isu berkaitan pemilikan LPS kepada pengusaha-pengusaha tanah di Cameron Highland, masih terdapat pelbagai aspek yang boleh dikaji oleh pihak-pihak yang berminat untuk mendalami isu berkenaan. Ini kerana kebanyakan kajian yang dilaksanakan sebelum ini lebih tertumpu kepada tindakan penguatkuasaan pihak kerajaan dalam mengatasi masalah pencerobohan tanah khususnya bagi tujuan pertanian atau perladangan.

Menerusi kajian yang dijalankan, terdapat beberapa kajian lanjutan yang boleh dikemukakan memandangkan isu ini merupakan satu aspek yang luas dan dihadapi di kebanyakan tempat sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar di Malaysia. Berikut adalah cadangan yang disenaraikan untuk dijadikan panduan sekiranya kajian ini akan diteruskan lagi pada masa akan datang.

- i) Mengkaji tentang keberkesanan penggunaan Sistem Pengurusan dan Pemantauan Lesen pendudukan Sementara (eLPS) berkaitan skop pewujudannya.
- ii) Mengkaji tentang peningkatan keberkesanan aktiviti-aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan dan sumbangan kepada peningkatan jumlah kutipan hasil negeri.
- iii) Mengkaji maklumbalas pengguna dan pelanggan terhadap ketersediaan sistem seterusnya cadangan-cadangan kepada penambahbaikan sistem sedia ada.

Kajian lanjutan yang dicadangkan dilihat berpotensi untuk dijadikan sumber bahan rujukan bagi pihak-pihak berkepentingan sekaligus berupaya merungkai persoalan atau isu-isu berkaitan yang sering dibincangkan sebelumnya.

KESIMPULAN



Fokus utama kajian adalah untuk melihat amalan terbaik yang dilaksanakan di Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah di Malaysia. Amalan terbaik yang dikenalpasti dihurai untuk mendapatkan gambaran sebenar pelaksanaan seterusnya boleh dijadikan sebagai bahan-bahan rujukan kepada pihak atau agensi-agensi yang berkenaan pada masa akan datang.

PTCH sebagai sebuah pusat pentadbiran tanah dan daerah di kawasan Cameron Highland telah mewujudkan inisiatif baru dalam memperkemaskini dan meningkatkan tadbir urus pengurusan berkaitan Lesen Pendudukan Sementara atau lebih dikenali dengan tanah-tanah TOL melalui pewujudan idea inovasi Sistem e-LPS.

Dari sudut penambahbaikan proses kerja, budaya inovasi merupakan satu elemen yang amat penting dan perlu diterapkan secara konsisten di kalangan warga kerja pentadbiran tanah. Inovasi bermaksud menjimatkan kos dan mengoptimumkan pengeluaran atau hasil. Budaya kerja berinovasi berupaya mengubah senario kerja yang sedia ada kepada suasana yang lebih menarik dan menjadi suatu kuasa yang mampu mengubah cara kerja seharian kepada yang lebih mudah, menjimatkan masa, cekap dan produktif. Disamping itu ia juga berupaya menjamin kualiti kerja yang lebih baik dalam sesebuah organisasi kerana inovasi bersifat mendahului dan meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat.

Penemuan amalan terbaik di PTCH ini mampu menjadi satu galakan dan motivasi kepada pejabat lain untuk turut sama mengaplikasikannya. Oleh itu, usaha –usaha inovasi wajar diterapkan di kalangan warga pentadbiran tanah dalam menyahut cabaran dan keperluan semasa perkhidmatan. Tindakan proaktif yang konsisten perlu dijadikan asas utama dalam perkhidmatan bagi menjamin mutu penyampaian perkhidmatan pentadbiran tanah seterusnya mencapai matlamat penubuhan organisasi dengan pencapaian yang paling optimum.

SENARAI CARTA



SENARAI SINGKATAN

1. CRS - Customize Requirement Specification
2. DUN - Dewan Undangan Negeri
3. e-LPS - Sistem Lesen Pendudukan Sementara
4. FAT - Factory Acceptance Test
5. GPS - Global Positioning System
6. GIS - Geographical Information System
7. IP - Internet Protocol
8. JKPTG - Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian
9. LPS - Lesen Pendudukan Sementara
10. MAMPU - Unit Pemodenan Pentadbiran Awam
11. PTCH - Pejabat Tanah Cameron Highlands
12. PLGS - Pahang Land Geoinformation System
13. PTSB - Puncak Tegap Sdn. Bhd.
14. SSR - *System Star Rating*
15. TNB - Tenaga Nasional Berhad
16. TOT - Transfer of Technology

FOTO KAJIAN



Pasukan Kajian SSR INSTUN



Sesi Perkongsian Maklumat Kajian

SENARAI RUJUKAN

- a) Abd. Halim Ain, (2008). Penipuan Dalam Urusan Tanah - Kelemahan, Amalan Terbaik Dan Cadangan Bagi Mengatasinya, Persidangan Pentadbir Tanah Semenanjung Malaysia 2008.
- b) Dr. Hajah Asiah Othman, En. Razani Abdul Rahim, Cik Khadijah Husin, (2006). Implikasi Pencerobohan Tanah Kerajaan (Kajian Kes: Bandaraya Johor Bharu).
- c) Kementerian Pendidikan Malaysia, (1992). Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- d) Khasanah Sufaat @Supaa Ashaari (2009). Pencerobohan Tanah Kerajaan Bagi Tujuan Pertanian (Kajian Kes: Daerah Batu Pahat)
- e) Pekeliling Kemajuan Pengurusan Pentadbiran Tanah Bilangan 1 Tahun 2013, Pelaksanaan Penarafan Bintang Di Pentadbiran Tanah.
- f) Shuhaimi Othman, (2008). Penipuan Dalam Urusan Tanah: Isu Dan Penyelesaian, Persidangan Pentadbir Tanah Semenanjung Malaysia 2008.
- g) Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU), (2007). Panduan Mengenai Penarafan Bintang Agensi Sektor Awam.